

SHINADEX EYE DROPS

Chloramphenicol 5mg/ml, Dexamethasone Sodium Phosphate 1mg/ml

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SHINADEX Eye Drops
2. Bagaimana SHINADEX Eye Drops berfungsi
3. Sebelum menggunakan SHINADEX Eye Drops
4. Cara menggunakan SHINADEX Eye Drops
5. Semasa menggunakan SHINADEX Eye Drops
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SHINADEX Eye Drops
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan SHINADEX Eye Drops

SHINADEX digunakan untuk merawat alergik, penyakit jangkitan (kecuali virus) dan inflamasi komponen mata (kornea mata, iris, sclera, jasad silium dan konjunktiva.) Ubat ini juga boleh digunakan untuk katarak, glaucoma, strabismus (suatu keadaan di mana mata tidak sejajar dengan satu sama lain.) selepas pembedahan.

Bagaimana SHINADEX Eye Drops

SHINADEX ialah larutan oftalmik yang merangkumi sejenis antibiotic (chloramphenicol) dan kortikosteroid (dexamethasone sodium phosphate). Kedua-dua kandungan ini berfungsi bersama untuk membunuh bakteria dan menyekat proses inflamasi.

Sebelum Menitis SHINADEX Eye Drops

- Bila tidak boleh menitis

Jika anda terdapat sebarang kecederaan dan ulcer pada kornea, jangkitan pada konjunktiva dan kelopak mata, cenderung mendapat glaukoma serta jangkitan mata tuberkulosis dan kulat.

- Sebelum mula menitis

Beritahu doktor jika anda alergik terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Penggunaan SHINADEX bersama dengan ubat lain seperti ubat oftalmik antibiotik yang lain, ubat yang menjejaskan sistem pembentukan darah, ubat antidiabetis tertentu dan lain-lain. Beritahu doktor jika anda menitis sebarang ubat.

Cara menggunakan SHINADEX Eye Drops

- Berapa banyak harus dititis

Satu titik dititis ke bahagian bawah kelopak mata, 3-5 kali sehari untuk 10 hari.

- Bila perlu dititis

Ia perlu dititis mengikut arahan doktor.

- Berapa lama perlu dititis

Ia perlu diberikan berdasarkan kepada arahan doktor.

- Jika terlupa menitis

Jika anda terlupa satu dos, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dos berganda pada satu masa.

- Jika menitis berlebihan (terlebih dos)

Minta perhatian perubatan dengan segera jika anda mengambil terlebih dos.

Semasa menggunakan SHINADEX Eye Drops

- Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa menitis ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menitis ubat ini atau mengubah dos penyapuan tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatian perlu diberi jika diguna pada golongan kanak-kanak. SHINADEX tidak boleh diguna pada wanita mengandung pada trimester terakhir dan wanita menyusui.

Kesan-kesan sampingan

Chloramphenicol boleh menyebabkan anemia aplastik. Ia mungkin juga menyebabkan peningkatan tekanan intraokular secara berbalik selepas penggunaan ubat selama beberapa minggu. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan SHINADEX Eye Drops

- Penyimpanan

Sebelum dan selepas buka:
Simpan antara suhu 2°C dan 8°C.

- Pelupusan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda berhenti menitis ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Larutan jelas tanpa warna.

- Bahan-bahan kandungan

- Chloramphenicol
- Dexamethasone Sodium Phosphate
- Phenylmercuric Nitrate (sebagai pengawet)

- Nombor MAL

MAL12115064AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

18/06/2026

Nombor Siri

NPRA(R2/1)250120/1409